

DS 3.3: Penyediaan Kemudahan Keselamatan Desa

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Menyediakan kemudahan keselamatan yang merangkumi Polis Bomba dan Penyelamat.
- Meningkatkan tahap keselamatan desa yang tinggi dan lebih terjamin kepada masyarakat desa.
- Menambah bilangan kemudahan keselamatan di Johor Utara berdasarkan unjuran yang telah dilakukan.

Komponen Cadangan:

- Menaik taraf kemudahan Pondok Polis, Balai Polis dan Bomba sedia ada di seluruh kawasan desa Johor Tengah.
- Menambahkan lagi bilangan Kemudahan Balai Polis dan Bomba sedia ada di Daerah Johor Tengah.

Kaedah Pelaksanaan:

- Mengadakan Program Keselamatan dan Kecemasan oleh Polis dan Bomba bagi demonstrasi memadam kebakaran dan keselamatan.
- Mendedahkan kepada masyarakat desa kepada aspek keselamatan daripada jenayah serta penyalahgunaan dadah kepada semua lapisan masyarakat desa terutamanya golongan muda.
- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan masyarakat desa.

CADANGAN LOKASI

Cadangan program kesihatan lima (5) unit klinik kesihatan setiap daerah

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
--------	-----------


- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah • BPEJ | <ul style="list-style-type: none"> • PBT • Jabatan Bomba dan Penyelamat • Polis Diraja Malaysia |
|--|--|

ANGGARAN KOS


- Kos Program Kesihatan = RM 100,000 (per cadangan Program Kesihatan)

Jumlah Kos: RM 1,500,000

FASA PELAKSANAAN



Rajah 5.17: Peratusan Kemudahan Keselamatan di Johor Utara



Program Keselamatan

1

Program Keselamatan Kampung

JPKK berperanan untuk menganjurkan rondaan keselamatan di sekitar kampung pada waktu malam setiap minggu bagi menjaga keselamatan kampung dan penduduk. Ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran komuniti yang selamat dan bebas jenayah serta ahlinya faham dan arif tentang cara membendung jenayah di kawasan mereka.

2

Program Kampung Angkat PDRM

Program ini merupakan salah satu program inisiatif Pihak Polis Diraja Malaysia yang bertujuan bagi membanteras jenayah serta mengenalpasti kawasan 'panas' penyalahgunaan dadah dan gejala sosial di kawasan desa.

3

Program Kebakaran dan Fire Point

Pihak Bomba dan Penyelamat akan mengadakan ceramah keselamatan kebakaran dan demonstrasi alat pemadam api.



Foto: Program Kampung Angkat PDRM

Sumber: Malaysia Aktif, 2019



Foto: Program Keselamatan Kampung (PKK)

Sumber: Selangorku, 2015



Foto: Program Kebakaran dan Fire Point

Sumber: Utusan Borneo Online, 2019

Unjuran Kemudahan Keselamatan

Aspek penawaran kemudahan keselamatan adalah berdasarkan bilangan penduduk dan keperluan masa hadapan adalah berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan oleh PLANMalaysia iaitu dengan penggunaan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat. Perincian piawaian kemudahan pendidikan adalah seperti berikut:

IPD – 1 : Setiap Daerah

Balai Polis – 1 : 15,000 penduduk (Luar Bandar)

Balai Bomba – 1 : 100,000 penduduk

Jadual 5.31: Unjuran Keperluan Kemudahan Keselamatan (Balai Polis) di Daerah Muar

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Muar	Bandar	113,869	149,593	1	4	3
	Bakri	40,783	54,848	-	1	1
	Sungai Terap	15,036	20,222	1	1	-
	Sungai Raya	8,695	11,694	-	-	-
	Parit Bakar	13,226	17,787	1	1	-
	Parit Jawa	12,783	16,212	1	1	-
	Seri Menanti	13,520	17,146	-	1	1
	Sungai Balang	13,398	16,992	-	-	-
	Ayer Hitam	8,877	11,258	-	1	1
	Jorak	23,479	113,122	2	3	1
	Lenga	7,558	9,231	1	-	1
	Bukit Kepong	10,278	12,582	-	-	-

Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 (Penggantian)

Jadual 5.32: Unjuran Keperluan Kemudahan Keselamatan (Balai Polis) di Daerah Segamat

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Segamat	Bekok	3,491	3,548	1	1	-
	Buloh Kasap	27,725	29,029	2	2	-
	Chaah	13,067	14,837	1	1	-
	Gemas	13,555	14,192	-	1	1
	Gemereh	6,729	6,967	-	-	-
	Jabi	5,851	5,870	-	-	-
	Jementah	18,723	20,600	1	1	-
	Labis	32,922	36,770	2	2	-
	Pogoh	24,964	26,470	-	2	2
	Sermin	1,638	1,677	-	-	-
	Sungai Segamat	48,368	55,069	2	4	2


Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 (Penggantian)

Jadual 5.33: Unjuran Keperluan Kemudahan Keselamatan (Balai Polis) di Daerah Tangkak

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Tangkak	Tangkak	66,839	101,055	5	7	2
	Grisek	26,423	29,286	7	4	-
	Serom	27,365	35,539	10	8	-
	Bukit Serampang	7,142	6,662	4	2	-
	Kesang	15,613	17,203	1	3	2
	Kundang	3,298	3,146	2	1	-

Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Tangkak 2030

Rajah 5.18: Taburan Kemudahan Keselamatan Johor Utara



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- Pondok Polis
- Balai Polis
- Balai Bomba dan Penyelamat
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut